

31 JUL 1996

Negara-Bahas

JANGAN LANTIK ORANG ISLAM KE LEMBAGA SYARIKAT PERJUDIAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan hari ini digesa menggubal undang-undang melarang orang Islam daripada dilantik menjadi anggota lembaga pengarah syarikat yang ada kaitan dengan kegiatan perjudian kerana ia bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

"Umat Islam dilarang berjudi di kasino Genting Highlands, tapi lecehlah kalau seorang bekas Ketua Polis Negara bergelar Tun dilantik menjadi Pengerusi Resorts World yang ada kaitan dengan Genting," kata Senator Datuk Ibrahim Ali ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996 di Dewan Negara petang ini.

Rang undang-undang yang dibentang Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr Shafie Mohd Salleh, itu antara lain bertujuan memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1996 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1996.

Di antara kementerian yang memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM697.4 juta ialah Kementerian Pembangunan Usahawan akan menerima peruntukan tambahan terbesar sebanyak RM493.133 juta diikuti oleh Kementerian Kesihatan RM119 juta dan Jabatan Perdana Menteri RM30juta.

Ibrahim juga mengecam beberapa tokoh korporat Melayu yang kian menjadi tamak merebut kekayaan berikutan pembangunan negara yang bertambah rancak.

Senator Rahim Baba berkata Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan tidak perlu berkompromi dalam soal pendidikan, khususnya dalam menghantar pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran ke seberang laut.

"Mara mestilah sanggup membelanjakan wang yang besar jangan seperti yang dialami beberapa pelajar tajaannya baru-baru ini yang seolah-olah terpaksa meminta sedekah walaupun sejak awal sudah dijanjikan akan ke Amerika Syarikat dan Britain," katanya.

Senator Hajah Rahaiyah Baheran pula kesal kerana masih terdapat pusat kesihatan di luar bandar masih tidak mempunyai bilangan doktor dan jururawat terlatih yang mencukupi meskipun kerajaan terkenal kerana komitmennya untuk memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik untuk rakyat desa.

Senator Datin Hajah Wan Intan A Tajuddin menyeru Kementerian Kesihatan menganjurkan kursus budi bahasa kepada doktor-doktor muda ketika melayani pesakit di hospital-hospital kerajaan khususnya ketika berhadapan dengan pesakit terdiri daripada orang tua.

Sambil mengambil peluang mengucapkan tahniah di atas ulangtahun ke-15 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerajui negara, Senator Yim Chee Chong berharap Perdana Menteri akan menimbangkan peruntukan pembangunan RM100,000 bagi setiap senator untuk setahun dan bukan tempoh sepeppagal.

Persidangan Dewan disambung esok.

-- BERNAMA

ZAB AHH